

PDRM diarah sedia kertas kerja atasi dadah

KUALA LUMPUR, Isnin — Polis Diraja Malaysia (PDRM) diarah menyediakan satu kertas kerja mengenai masalah dadah di negara ini untuk diserahkan kepada Kabinet, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, masalah dadah masih menjadi ancaman besar kepada negara dan tindakan segera perlu diambil bagi mengekang gejala itu daripada menjadi lebih serius.

"Oleh itu, saya minta polis menyediakan satu kertas kerja untuk jemaah menteri bagi membolehkan Kabinet membuat keputusan mengenai tindakan yang perlu diambil dan peruntukan tambahan bagi tujuan itu.

"Masalah ini besar dan akan jadi lebih besar jika tidak diambil langkah pencegahan dengan sege-

ra," katanya kepada pemberita selepas melawat Ibu Pejabat Polis Bukit Aman di sini, hari ini.

Dalam kunjungan itu, Dr Mahathir yang juga Menteri Dalam Negeri diberi taklimat mengenai masalah dadah di negara ini serta langkah pencegahan, oleh Ketua Polis Negara, Tan Sri Rahim Nor.

Menurut Perdana Menteri, pelbagai usaha perlu diambil dan diberi perhatian termasuk kerjasama di peringkat antarabangsa bagi menangani kegiatan pengedaran dan program pemulihan penagih.

"Saya anggap masalah ini serius dan bilangan penagih juga terus meningkat. Walaupun banyak usaha dibuat, masih ramai yang terbabit dengan dadah. Kita tidak mempunyai kemudahan yang mencukupi untuk mem-

beri rawatan kepada semua," katanya.

Beliau berkata, PDRM menganggarkan kira-kira 180,000 penagih di negara ini, termasuk 70,000 yang disifatkan sebagai kumpulan teras, manakala pusat serenti pula tidak mempunyai kemampuan untuk merawat semua penagih.

"Pusat serenti hanya mampu mengambil sehingga 10,000 penagih dan baki 60,000 lagi tidak dapat rawatan langsung. Sebab itu apabila kita lihat dalam televisyen penagih bebas menyuntik dadah, seolah-olah polis dan kerajaan tidak berbuat apa-apa.

"Sebenarnya kita mahu memasukkan mereka ke pusat serenti tetapi tempat tidak mencukupi, malah di penjara juga ada ramai penagih dadah," katanya.